

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

**ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN LAMAN
WEB TATABAHASA BAHASA TAMIL TAHUN EMPAT
SJKT**

**NEED ANALYSIS FOR THE DEVELOPMENT OF
TAMIL GRAMMAR WEBSITE YEAR FOUR SJKT**

Theepa Asualingam*¹; Siti Hajar Halili²; Selvajothi Ramalingam³

¹ Institute of Advanced Studies, University of Malaya, Malaysia. Email: xltheeba@gmail.com

² Department of Curriculum & Instructional Technology, Faculty of Education, University of Malaya, Malaysia. Email: siti_hajar@um.edu.my

³ Department of Malaysian Languages and Applied Linguistics, Faculty of Languages and Linguistics, University of Malaya, Malaysia. Email: selvajothi@um.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/256>

Abstract

The teacher's ability to diversify teaching materials and activities can help students in the process of learning Tamil grammar. This is so because the aspect of grammar is one of the important elements that must be learned and mastered by the student. Therefore, teachers should be creative and innovative in diversifying the design of teaching and learning materials in school. In relation to that, the aim of this study is to analyse the teacher's needs for the development of the Year Four SJKT Tamil grammar website. The development of a grammar website can be a medium for independent grammar learning because it can be accessed via the internet outside of the classroom. Theory constructivism was used in the development of the grammar website. A needs analysis using a questionnaire was conducted on 230 teachers of the Tamil language subject Year Four SJKT in Peninsular Malaysia. The data obtained from the inquiry questions were analysed through descriptive statistics using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26. In conclusion, the development of Year Four Tamil grammar website can help in increase student's interest and achievement in learning Tamil grammar. The implication is that learning based on grammar websites is an interactive learning process that can improve the effectiveness of self-learning. In addition, this website complements teaching at school because it creates a fun learning environment.

Keywords: Need analysis, development of website, Tamil grammar, Year Four

Abstrak

Keupayaan guru untuk mempelbagaikan bahan dan aktiviti pegajaran dapat membantu murid dalam proses pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek tatabahasa merupakan salah satu unsur penting yang perlu dipelajari serta dikuasai oleh seseorang murid. Oleh yang demikian, guru haruslah bersikap kreatif dan inovatif untuk mempelbagaikan reka bentuk bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sehubungan dengan itu, matlamat kajian ini dijalankan untuk menganalisis keperluan guru terhadap pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil Tahun Empat Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Pembangunan laman web tatabahasa mampu untuk menjadi satu medium pembelajaran tatabahasa secara sendiri kerana ia boleh diakses melalui internet di luar ruang kelas. Teori pembelajaran konstruktivisme digunakan dalam pembangunan bahan pembelajaran dalam laman web tatabahasa ini. Analisis keperluan dengan menggunakan soal selidik dijalankan kepada 230 orang guru mata pelajaran Bahasa Tamil Tahun Empat SJKT di Semenanjung Malaysia. Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis melalui statistik deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26. Sebagai kesimpulan, pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil Tahun Empat dapat membantu meningkatkan minat serta pencapaian murid dalam pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil. Implikasinya, pembelajaran berasaskan laman web tatabahasa merupakan satu proses pembelajaran interaktif yang mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran sendiri. Di samping itu, laman web ini menjadi pelengkap pengajaran di sekolah kerana mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan.

Kata kunci: Analisis keperluan, Pembangunan laman web, tatabahasa Bahasa Tamil, Tahun Empat SJKT

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 12th July 2023, revised 8th August 2023, accepted 29th August 2023

Pengenalan

Dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), guru-guru perlu menyedari bahawa setiap individu di dalam sesebuah kelas mempunyai tahap keupayaan yang berbeza-beza. Perbezaan yang disebabkan oleh kecerdasan pelbagai menyebabkan murid-murid mempunyai sikap, gaya pembelajaran, dan nilai yang berbeza-beza. Namun begitu, sebilangan besar guru lebih kerap menyampaikan isi pelajaran tanpa mengambil kira tahap perbezaan antara murid mereka. Hal ini mengakibatkan murid kehilangan fokus dan seterusnya tidak meminati subjek yang diajarkan oleh pendidik tersebut. Sebenarnya, guru-guru perlu mengambil kira kepelbagaian tahap keupayaan murid supaya suasana pembelajaran di bilik darjah menjadi lebih bermakna dan kondusif (Salleh & Mohd 2010)¹.

Mutu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sangat berkait rapat dengan amalan pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh guru setiap hari. Selain faktor guru, penentuan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang mampu memenuhi keperluan murid juga perlu dititikberatkan untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berimpak (Ramli, 2021)². Kesemua pendekatan ini sesungguhnya membawa kesan dalam pencapaian dan prestasi murid-murid. Kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru-guru perlu disesuaikan melalui perancangan yang rapi bagi menjanakan impak yang optimum.

Isu penguasaan tatabahasa Bahasa Tamil dalam kalangan murid-murid tidak hanya terhadap persepsi murid yang negatif terhadap tatabahasa Bahasa Tamil (Munusamy, 2011; Vasudevan, 2012)^{3,4}, teknik dan kaedah konvensional (Mohanadass, 2001; Ponnuduraj, 2014; Alagesan, 2020)^{5,6,7}, kelemahan pelajar dalam tatabahasa Bahasa Tamil (Alagesan, 2020; Bavani, 2020)^{7,8}, Sukatan pelajaran yang sukar (Mohanadass, 2001) tetapi kini timbul permasalahan kekurangan bahan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkaitan dengan mata pelajaran Bahasa Tamil (Alagesan, 2020; Rathidevi, 2021)^{7,9}.

Penggunaan teknik dan strategi pengajaran yang menarik dapat membantu murid untuk berminat memilih dan mempelajari tatabahasa Bahasa Tamil (Alagesan, 2020; Venggamal, 2012)^{7,10}. Dengan itu, guru harus mengelakkan PdPc yang berasaskan ‘Chalk and Talk’ yang membosankan murid (Vellymalay & Ponniah, 2017)¹¹. Selain itu, kajian Munusamy (2011)³ menunjukkan guru hanya bergantung kepada buku teks sahaja dan mereka kurang mempelbagaikan teknik dan strategi. Kaedah tradisional harus diganti dengan kaedah pengajaran Bahasa Tamil berasaskan TMK (Alagesan, 2020; Nargunan, 2013)^{7,12}. Pembelajaran tatabahasa berasaskan laman web merupakan alternatif baru yang menggunakan teknologi dalam era pendidikan. PdPc tatabahasa melalui laman web didapati meningkatkan minat dan pencapaian murid dalam tatabahasa dan pembelajaran tatabahasa menggunakan laman web adalah penting dalam PdPc tatabahasa Bahasa Tamil (Alagesan, 2020; Rathidevi, 2021)^{7,9}.

Laman web merupakan salah satu daripada cabang komunikasi yang boleh digunakan oleh para guru sebagai salah satu pedagogi mereka disamping dapat menarik minat murid untuk memahami sesuatu topik mahupun subjek (Hassan et al. 2017)¹³. Pembelajaran melalui laman web ialah pembelajaran secara elektronik atau dikenali sebagai e-pembelajaran. Ia merupakan kombinasi di antara elemen pendidikan dan teknologi elektronik. Kaedah ini membuktikan individu mengikuti sesi pembelajaran secara lebih terbuka dan bebas berdasarkan keinginan dan keupayaan sendiri tanpa perlu mengikuti jadual atau menghadiri kelas yang ditetapkan (Saad, Ismail & Abdullah, 2005)¹⁴.

Pembangunan laman web sesuatu mata pelajaran perlu mengandungi maklumat yang berkaitan bagi memudahkan murid mendapat rujukan dan maklumat tambahan. Banyak kajian di Malaysia membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran menggunakan laman web berjaya menarik minat murid untuk belajar (Alagesan, 2020; Hassan et al, 2017; Chin, 2009)^{7,13,15}.

Laman web juga merupakan suatu halaman yang mempunyai persembahan visual yang menarik dan unik serta melibatkan grafik laman web logo, saiz tulisan, butang menu dan kombinasi warna (Nordin & Embi, 2008)¹⁶. Oleh demikian, dalam konteks kajian ini, laman web

ialah paparan pada skrin komputer yang mempunyai maklumat serta bahan-bahan tertentu yang boleh diaplikasikan sebagai media pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

Latar belakang

Di Malaysia peluang untuk mempelajari Bahasa Tamil sangat meluas. Rakyat Malaysia bebas mempelajari Bahasa Tamil tanpa sebarang halangan. Sehubungan dengan itu, Bahasa Tamil juga berperanan sebagai bahasa pengantar dan mata pelajaran teras di SJKT (Utaman, 2009)¹⁷; (Munusamy & Nordin, 2021)¹⁸. Bukan itu sahaja, Bahasa Tamil juga diajarkan di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sebagai mata pelajaran elektif. Di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) [Semakan 2017] peruntukan masa minimum untuk mengajar Bahasa Tamil di SJKT ialah 192 jam setahun.

Walaupun aspek tatabahasa yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil tahun 4 SJKT diajar secara berasaingan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, pentaksirannya dibuat melalui kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran bertulis. Tatabahasa merupakan satu elemen penting yang mendasari setiap kemahiran bahasa yang dipupuk, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Harun, Ayub & Rahman, 2012)¹⁹. Aspek tatabahasa mencakupi morfologi dan sintaksis yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan dan dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang bersesuaian dan berkesan supaya murid dapat menguasai dan menggunakan tatabahasa dengan baku dan jitu. Pentaksiran tatabahasa dilaksanakan melalui kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis mengikut kesesuaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) [DSKP, BT tahun 4 SJKT].

Teori konstruktivisme digunakan untuk pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil tahun 4 SJKT dalam kajian ini. Bahan pembelajaran dalam laman web yang dibangunkan adalah berlandaskan kepada teori konstruktivisme. Merujuk teori konstruktivisme, pembelajaran akan berlaku apabila seseorang itu berjaya membina ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dihasratkan. Teori ini memperlihatkan perubahan ilmu (Maddux & Johnson, 2005)²⁰. Teori konstruktivisme memberikan penekanan kepada murid lebih daripada guru. Ini kerana murid akan berinteraksi dengan web yang dibangunkan serta memperolehi kefahaman tentang bahan pembelajaran tatabahasa.

Kajian analisis keperluan merupakan fasa yang paling utama dan penting kerana kajian ini akan mempermudah usaha untuk mereka dan membangunkan sesuatu bahan atau produk pembelajaran. Menurut Branch (2009)²¹ terdapat beberapa langkah dalam fasa analisis keperluan iaitu mengesahkan wujudnya jurang pencapaian, menentukan matlamat pengajaran, memastikan keperluan pengguna, dan mengenal pasti sumber yang diperlukan dalam proses pembangunan.

Sorotan kajian

Transformasi dalam pendidikan yang memperlihatkan perubahan cara pendekatan bersemuka kepada pembelajaran dalam talian yang berasaskan teknologi seperti portal pembelajaran, laman web, YouTube, persidangan video, aplikasi mudah alih dan sebagainya merupakan satu perubahan drastik yang memberikan kesan kepada sistem pendidikan di seluruh dunia semasa era pandemik COVID-19. Pengajaran guru telah berubah daripada pendekatan konvensional kepada pendekatan dalam talian sebagai kesan daripada tahap penerimaan dan kesediaan mereka menggunakan teknologi yang semakin meningkat pada waktu tersebut (Aboagye et al, 2020)²².

Pengajaran dan pembelajaran berasaskan web bukan sahaja bermatlamat untuk memberikan kemudahan kepada pendidik agar mengurus bahan pengajaran dan menghasilkan persekitaran pembelajaran yang efektif, malah juga dapat meningkatkan penglibatan murid-murid secara aktif dalam proses PdPc. Alagesan (2020)⁷ telah menjalankan kajian pembangunan laman sesawang tatabahasa Tamil bagi murid-murid tingkatan 4 di negeri Selangor. Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan minat murid-murid dalam pembelajaran tatabahasa Tamil dalam kalangan murid. Selain itu, kajian ini dapat mengatasi masalah kekurangan bahan PdP berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bagi mata pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Menengah.

Kajian penggunaan laman web dalam PdP sejarah telah dijalankan oleh Hassan et al (2017)¹³. Hasil kajian menunjukkan penggunaan laman web sebagai satu kaedah yang sangat berkesan dalam mengubah persepsi para pelajar dan guru terhadap pembelajaran sejarah sebagai satu mata pelajaran yang sangat membosankan.

Hussin, et. al (2013)²³ menjalankan kajian penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Hasil kajian menyarankan bahawa penggunaan web dalam pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam merupakan langkah yang mesti dilaksanakan, dimanfaatkan secara semaksima mungkin demi untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran. Penggunaan internet dalam pembelajaran dapat menarik minat serta meningkatkan pencapaian murid di sekolah. Kajian-kajian yang disenaraikan di atas membuktikan laman web berjaya menarik minat pelajar untuk belajar.

Kajian tentang penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) turut memberikan sumbangan yang signifikan. Munusamy & Nordin (2021)¹⁸ telah menjalankan kajian tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Tamil tentang penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Dapatan kajian memberi dampak bahawa perlunya usaha yang berterusan untuk menggalakkan amalan penggunaan teknologi dalam kalangan guru agar mereka mengamalkan strategi pengajaran yang lebih cekap dan dinamik.

Dalam kajian ini, laman web dipilih sebagai teknologi pembelajaran. Didapati, banyak guru masih menggunakan kaedah konvensional (ceramah, penerangan, latih tubi dan sebagainya) dalam pengajaran dan tidak menggunakan media Internet untuk menyokong PdPc di dalam dan di luar bilik darjah. Sidhartha (2020)²⁴ berpendapat bahawa kesediaan guru yang tinggi dan semangat mereka untuk menggunakan teknologi telah mendorong murid agar meluangkan masa dalam talian untuk tujuan pembelajaran sekaligus meningkatkan pencapaian murid.

Daripada dapatan kajian sorotan laman web, jelas menunjukkan tiada kajian tentang reka bentuk pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil bagi sekolah rendah berdasarkan DSKP keluaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kekurangn bahan pdp berasaskan TMK bagi mata pelajaran Bahasa Tamil turut menjadi lompong dalam kajian ini. Oleh itu, pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil tahun 4 SJKT dapat menjadi bahan rujukan tambahan bagi murid untuk mengukuhkan lagi kefahaman mengenai tatabahasa Bahasa Tamil yang telah pelajari di sekolah.

Objektif kajian

Kajian ini adalah untuk menganalisis keperluan pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil tahun 4 SJKT.

Soalan kajian

1. Apakah tahap masalah pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil yang dihadapi oleh murid?
2. Apakah tahap masalah pengajaran tatabahasa Bahasa Tamil yang dihadapi oleh guru?
3. Apakah sumber rujukan tambahan yang diperlukan oleh guru?
4. Adakah keperluan untuk membangunkan laman web tatabahasa Bahasa Tamil?

Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif. Data diperoleh daripada tinjauan soal selidik terhadap guru-guru mata pelajaran Bahasa Tamil Tahun 4 SJKT. Sampel kajian dipilih melalui teknik persampelan rawak strata iaitu seramai 230 orang guru di Semenanjung Malaysia berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejce & Morgan (1970).²⁵

Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik yang digunakan diubah suai dan diadaptasi daripada Chung, et al. (2017)²⁶ dan Chin (2009)¹⁵ berdasarkan keperluan kajian dan disahkan oleh dua orang pakar. Soal selidik ini disediakan dalam skala likert (1 hingga 5) dan diberikan kepada guru-guru Bahasa Tamil Tahun 4 SJKT melalui *Google Form*. Semua sampel kajian yang dipilih telah mempunyai ikhtisas iaitu Diploma, Sijil Perguruan lepasan Ijazah, Sarjana muda dalam bidang Bahasa tamil yang berpengalaman mengajar Bahasa Tamil di SJKT melebihi 18 tahun. Soal selidik kajian ini terdiri daripada lima bahagian iaitu: Bahagian A : Demografi responden (4 item) ; Bahagian B : Masalah pembelajaran tatabahasa yang di hadapi oleh murid pada pandangan guru (11 item); Bahagian C : Masalah pengajaran tatabahasa Bahasa Tamil yang dihadapi oleh guru (6 item); Bahagian D : Sumber rujukan tambahan yang perlu dimuatkan dalam pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil (6 item) dan Bahagian E : Keperluan pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil tahun 4 SJKT (6 item).

Kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik. Dapatan kajian rintis telah menunjukkan bahawa nilai Cronbach Alpha bagi soal selidik ialah 0.842 dan ke atas. Ini memberikan maksud bahawa item-item dalam soal selidik sangat baik dengan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Bond & Fox, 2015)²⁷.

Sebelum proses pengumpulan data untuk kajian dilaksanakan, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Perancangan dan Penyelidikan untuk menjalankan kajian. Setelah mendapat kelulusan, surat permohonan kebenaran untuk menjalankan kajian telah dihantar kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak pentadbiran SJKT di Semenanjung Malaysia.

Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for social Science* (SPSS) versi 26. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis profil responden dan dapatan soal selidik yang terdiri daripada kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Nilai min yang digunakan adalah untuk merumuskan tindak balas responden tentang kenyataan-kenyataan yang diberi oleh pengkaji dalam soal selidik. Pengkaji telah menggunakan jadual skor purata min dan interpretasi min bagi menentukan tahap dalam kajian ini daripada sumber Chew & Hamad (2018)²⁸ seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1

Skor Purata dan Interpretasi Min

Skor Purata Min	Tafsiran
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat Tinggi

Dapatan kajian

Jadual 2 menunjukkan skor purata min purata dan sisihan piawai purata bagi analisis keperluan pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil tahun 4 SJKT yang terdapat dalam Bahagian B, C, D dan E dalam soal selidik analisis keperluan. Daripada setiap bahagian dalam soal selidik, rumusan konstruk berserta skor purata min dan sisihan piawai dicatatkan dalam jadual 2.

Jadual 2

Dapatan skor purata min dan sisihan piawai bagi soal selidik analisis keperluan pembangunan laman web

konstruk	Bil Item	Skor min purata	Sisihan Piawai purata
Masalah pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil yang dihadapi oleh murid	11	4.2391	0.6503
Masalah pengajaran tatabahasa Bahasa Tamil	6	4.0740	0.6559

yang dihadapi oleh guru

Sumber rujukan tambahan yang perlu dimuatkan	6	4.6688	0.5352
Keperluan pembangunan modul laman web tatabahasa Bahasa Tamil	6	4.6276	0.4820

Berdasarkan data-data yang dianalisis dalam jadual 2, konstruk masalah pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil yang dihadapi oleh murid menunjukkan skor purata min dan sisihan piawai keseluruhan bagi 11 item dalam soal selidik ini ialah 4.2391 dan 0.6503. Item-item dalam konstruk ini melebihi skor min 4.3783 bagi item-item ‘murid-murid tidak tahu mengenal pasti kesalahan tatabahasa dalam ayat’, ‘topik tidak berterusan dan cepat dilupai’, sering melakukan kesalahan semasa mengaplikasi’ dan ‘murid yang lemah menghadapi masalah dalam pembelajaran tatabahasa’. Intepretasi min ini adalah di tahap tinggi dan ini bermaksud tahap masalah pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil yang dihadapi oleh murid-murid tahun 4 di SJKT adalah tinggi.

Berdasarkan data-data bagi konstruk kedua, iaitu masalah pengajaran tatabahasa Bahasa Tamil yang dihadapi oleh guru, skor purata min dan sisihan piawai keseluruhan bagi 6 item dalam soal selidik ialah 4.0740 dan 0.6559. Item-item dalam konstruk ini melebihi skor min 4.0 bagi item-item ‘kekurangan aktiviti/latihan/penilaian tatabahasa atas talian’, ‘kekurangan bahan grafik pengajaran tatabahasa dalam bentuk video/animasi/power point yang menarik atas talian’, ‘kekurangan laman web khas tatabahasa Bahasa Tamil’ dan ‘kekurangan teknik menjawab soalan tatabahasa’. Intepretasi min ini adalah di tahap tinggi dan ini bermaksud tahap masalah pengajaran tatabahasa Bahasa Tamil yang dihadapi oleh guru mata pelajaran tahun 4 di SJKT juga adalah tinggi.

Bagi konstruk ketiga, iaitu sumber rujukan tambahan yang perlu dimuatkan dalam laman web, skor purata min dan sisihan piawai keseluruhan bagi 6 item dalam soal selidik ini ialah 4.6688 dan 0.5352. Item-item dalam konstruk ini melebihi skor min 4.7043 bagi item-item ‘pautan laman web Bahasa Tamil’, ‘Bank soalan’ dan ‘Sumber rujukan soalan/latihan daripada laman web’. Intepretasi min ini adalah di tahap sangat tinggi dan ini bermaksud sumber rujukan tambahan perlu dimuatkan dalam pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil.

Data-data yang dianalisis dalam konstruk keempat ialah keperluan pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil. Skor purata min dan sisihan piawai keseluruhan bagi 6 item dalam soal selidik ini ialah 4.6276 dan 0.4820. Item-item dalam konstruk ini melebihi skor min sebanyak 4.6133 bagi item-item ‘meningkatkan minat murid dalam pembelajaran tatabahasa’, ‘pembelajaran tatabahasa melalui laman web dapat meningkatkan pencapaian akademik dalam aspek tatabahasa’ dan ‘pelbagai bentuk soalan interaktif dalam laman web tatabahasa dapat meningkatkan penguasaan tatabahasa mengikut aras masing-masing’. Intepretasi min ini adalah di tahap sangat tinggi dan ini menunjukkan bahawa keperluan untuk pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil tahun 4 di SJKT adalah sangat tinggi.

Perbincangan

Dapatan bagi konstruk kajian pertama menunjukkan guru mengakui bahawa murid menghadapi masalah dalam pembelajaran tatabahasa. Dapatan kajian bagi konstruk kedua menunjukkan masalah yang dihadapi oleh guru semasa pengajaran tatabahasa, iaitu dari segi sumber bahan rujukan, aktiviti dan latihan pelbagai bahan bantu mengajar berunsurkan multimedia. Kekurangan sumber dan bahan rujukan menyebabkan guru gagal mempelbagaikan teknik penyampaian semasa pengajarannya. Berdasarkan dapatan konstruk kajian ketiga, sumber rujukan tambahan berbentuk unsur multimedia perlu dimuatkan dalam pembangunan laman web tatabahasa untuk menarik minat dan perhatian murid semasa guru mengajarkan tatabahasa. Dapatan konstruk kajian terakhir menunjukkan bahawa terdapat keperluan dalam pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil Tahun 4 SJKT.

Dapatan daripada analisis keperluan guru menunjukkan bahawa satu bahan sokongan pembelajaran tatabahasa perlu disyorkan dan dibangunkan, khususnya untuk murid sekolah rendah bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil. Murid bukan hanya belajar di kelas secara formal, malah pengajaran dan pembelajaran juga berlaku di luar waktu persekolahan, selagi murid mempunyai akses Internet untuk meneroka laman web tatabahasa Bahasa Tamil. Kaedah pembelajaran daripada laman web yang berasaskan teknologi dalam pendidikan menunjukkan ciri-ciri pengajaran abad ke 21, malah murid dapat mempelajari tatabahasa secara sendiri tanpa bimbingan dan bantuan guru malah ibu bapa. Dapatan ini disokong oleh Chung et al. (2017)²⁶ dalam kajiannya. Kajian yang dijalankan oleh Alagesan (2020)²⁹ mengenai kemahiran TMK dalam kalangan guru Bahasa Tamil menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai kemahiran untuk menggunakan pelbagai laman web dalam PdP. Para responden kajian menggunakan laman web untuk mencari bahan PdP Bahasa Tamil. Dapatan kajian juga jelas menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Tamil telah menggunakan laman web KPM dan VLE Frog dalam PdP. Dapatan kajian ini selaras dengan pendapat dalam penyelidikan dijalankan oleh Razali, Bahador & Saidon (2016)³⁰ yang menyatakan bahawa KPM telah melaburkan berbilion-bilion ringgit bagi melaksanakan konsep pembelajaran persekitaran maya menggunakan aplikasi VLE Frog. KPM turut menyediakan prasarana bagi menjayakan konsep pembelajaran ini. Kenyataan ini terbukti bahawa tiada alasan untuk para guru tidak memanfaatkan teknologi tersebut oleh kekurangan prasarana berasaskan teknologi di sekolah. Malangnya, aplikasi VLE frog telah ditamatkan kontrak dengan KPM pada Jun 30 2019 (Chung, 2022)³¹. Akan tetapi, Google Classroom telah mula digunakan oleh semua sekolah pada tahun 2020 dan mencatat penggunaan yang mendadak pada musim pandemik dimana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) dijalankan dengan menggunakan platform Google Classroom di portal Delima keluaran KPM.

Kesimpulan

Kajian analisis keperluan merupakan bahagian penting untuk menentukan pembangunan laman web tatabahasa Bahasa Tamil Tahun 4 SJKT yang sesuai dan memenuhi keperluan murid selaku

pengguna bahan sokongan pembelajaran. Masalah pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil dalam kalangan murid adalah tinggi berdasarkan dapatan kajian ini. Didapati guru-guru tidak mengajar aspek tatabahasa dengan cara yang menarik disebabkan kekurangan BBM dalam pasaran seperti buku rujukan dan perisian Bahasa Tamil. Guru-guru menyatakan bahawa terdapat kekurangan bahan dari internet yang boleh dimuatturun bagi tujuan proses PdPc. Oleh itu, guru harus mencari penyelesaian dengan menggunakan teknologi dalam PdPc di sekolah. Guru-guru tidak perlu bergantung kepada sumber tambahan atau rujukan dari internet malah boleh membuat atau menghasilkan BBM yang menarik yang berunsurkan teknologi kepada generasi murid celik gajet. Penggunaan laman web dapat meningkatkan pencapaian murid dalam tatabahasa (Alagesan, 2020; Nor Ilyani Harun, 2012; Rezvani & Ketabi, 2011)^{7,32,33}. Namun BBM Bahasa Tamil berasaskan TMK dalam laman web dan internet didapati kurang berbanding dengan mata pelajaran yang lain (Alagesan, 2020; Rathidevi, 2021; Mohan, 2014)^{7,9,34}. Di samping itu, KPM juga perlu memastikan kurikulum terkini yang berpusatkan murid betul-betul diimplimentasikan oleh guru-guru di sekolah agar murid dapat belajar secara efektif sekaligus melalui proses pembelajaran bermakna. Implikasi kajian ini juga memberikan saranan kepada guru-guru agar giat melibatkan diri dalam bengkel-bengkel pengintegrasian teknologi dalam pendidikan serta meningkatkan pembinaan bahan digital yang lebih inovatif bagi memudahkan proses PdP berjalan secara lancar. Usaha ini amat penting untuk memastikan perkembangan dalam dunia pendidikan seiring dengan peringkat global. Kajian susulan yang mendalam dijangka akan dijalankan menggunakan kaedah lain seperti kualitatif, reka bentuk dan pembangunan untuk melihat kebolegunaan laman web oleh murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil selaras dengan era teknologi digital dalam pendidikan.

References:

1. Salleh, M. S., & Mohd, N.N.N.A. (2010). Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Bagi Perisian Adobe Premiere Pro CS3 Berasaskan Teori Kognitif. http://eprints.utm.my/id/eprint/11852/1/Modul_Pembelajaran_Kendiri.pdf.
2. Ramli, M. S. (2021). Analisis keperluan untuk membangunkan Modul Pembelajaran Berasaskan Challenge dalam Mempelajari Matematik bagi murid tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11, 50-58.
3. Munusamy, S. (2011). *Analisis kesilapan penggunaan kasus 'Ve:rrumai Urubugal' dalam kalangan pelajar sekolah menengah*. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
4. Vasudevan, L. (2012). Tamil karral karpittalil takaval toṭarpu toṭil nuṭpam marrum camūka kaṭṭamaippu valaikāṭṭiṇ vaṭamaikaḷum payanpāṭum (ICT and social media usage in teaching and learning Tamil). In S. Samikkanu Jabamoney, P. Karthegees, A. Manonmani Devi, A. Alagesan, A. Bavani, & N. Meenambigai (Eds.), *Tamil education research conference 2012* (pp. 240–245). Ipoh, Perak: Hillcity Hotel.
5. Mohanadass, R. (2001). Malēciyāvil ilakkaṇam kalvi karral karpittalil: Iṭarpāṭukaḷum tīrvukaḷum (Teaching and learning Tamil in Malaysia: Problems and solution). In 462 5th *World Tamil Teachers' Conference*. Singapore.
6. Ponnudurai, M. (2014). *Pelaksanaan pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran bahasa Tamil di sekolah menengah daerah Kuala Muda negeri Kedah*.

- (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
7. Alagesan, A. (2020). *Pembangunan Laman Sesawang Tatabahasa Tamil Sekolah Menengah*. (Disertasi Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
 8. Bavani, A. (2020). Meneroka pengetahuan kandungan pedagogi (PKP) guru cemerlang sekolah menengah dalam pengajaran tatabahasa Tamil. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 9. Rathidevi Shanmugam. (2021). *Pembangunan modul strategi struktur dekonstruktivisme kata kerja tatabahasa Bahasa Tamil*. (Unpublished Doctoral dissertation), Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Malaysia.
 10. Vengadamal, R. (2012). Ilakkaṇam karpittalil cikkalkaḷum cila tīrvukaḷum (Problems and some solutions in grammar teaching). In S. Samikkanu Jabamoney, P. Karthegees, A. Manonmani Devi, A. Alagesan, A. Bavani, & N. Meenambigai (Eds.), *Tamil education research conference 2012*. Ipoh, Perak: Hillcity Hotel.
 11. Vellymalay, S.K.N. & Ponniah, S. (2017). *Guru berkesan pemangkin kecemerlangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 12. Nargunan, S. (2013). Tamilmoḷik karral karpittalil inaiyattin payanpāṭum paṅkaḷippum (Internet usage in teaching and learning Tamil). In *12th International Tamil Internet Conference 2013* (pp. 446–451). University of Malaya, Kuala Lumpur.
 13. Hassan, S.A., Afpandy, N., Kiflee, C.H., & Yusof, R. (2017). Penggunaan Laman Web dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. *E-Proceeding of 6th Global Summit on Education 2017*. 120-128.
 14. Saad, M. R., Ismail, Z., & Abdullah, W.W.N. (2005). Pengajaran dan Pembelajaran Arab Berasaskan Web. Dicapai pada 5 Julai 2021 dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/rahimiUM.pdf>.
 15. Chin, H. L. (2009). *Pembangunan dan penilaian laman portal pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu Tingkatan Dua*. (Disertasi Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
 16. Nordin, N.M., & Embi, M.A. (2008). *Pengintegrasian ICT dalam Pendidikan Penyelidikan, Amalan dan Aplikasi*. Penerbit Karisma Publications.
 17. Utaman, R. (2009). *Perbandingan Pencapaian Pembelajaran Bahasa Tamil di Dalam Kelas Biasa dan Kelas POL*. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 18. Munusamy, N., & Nordin, M.N. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Tamil terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 666-682.
 19. Harun, N.I., Ayub, M, A, F., & Rahman AB. F. (2012). Keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran 464 tatabahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 31–42.
 20. Maddux, C.D., & Johnson, D.L. (2005). *Classroom integration of Type 11 uses of technology in education*. New York: Haworth Press.
 21. Branch, R.M. (2009). *Instructional Design: The ADDIE Approach*. London: Springe.

22. Aboagye, E., Yawson J.A., & Appiah K.N. (2020). COVID-19 and E-Learning: The Challenges of Students in Tertiary Institutions. *Social Education Research*, 2(1):1-8.
23. Hussin, N., Rasul, S.M., & Rauf, A.R. (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *The online Journal of Islamic Education*, Vol 1(2). 58-73.
24. Sidhartha, B.S. (2020). Google Classroom for techno-savy teacher and students. *Studies In Indian Place Names (UGC Care Journal)* 40(57): 96-101.
25. Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Saiz for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
26. Chung, M., Nordin, M.N., Badusah, J., & Mustafa, N (2017). Analisis Keperluan Terhadap Pembangunan M-Edutainment Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Prosiding Seminar Pendidikan Transdisiplin (STEd2017)*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 16-17 Januari 2017.
27. Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). Applying the rasch model: *Fundamental measurement in the human sciences (3rd ed.)*. Mahwah, NJ: L. Erlbaum.
28. Chew, F. P., & Hamad, H.Z (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1), 2018, pp. 1-12.
29. Alagesan, A., Halili, S.H. & Ramasamy, M.D. (2020). Kemahiran TMK dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Menengah. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4 (3). 99-114.
30. Razali, Z.N., Bahador, Z., & Saidon, M.K. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Vle Frog dalam kalangan guru di sekolah menengah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 Oktober 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. 1023-1032.
31. Chung, M. (2022). Google Classroom sebagai salah satu platform dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran : satu kajian tinjauan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 10(1).
32. Nor Ilyani Harun, Ahmad Fauzi Mohd. Ayub, & Fadzilah AB. Rahman. (2012). Keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran 464 tatabahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 31–42.
33. Rezvani, E., & Ketabi, S. (2011). On the effectiveness of using web and print based materials in teaching grammar to Iranian EFL learners. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*, 15, 376-381. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.03.105>.
34. Mohan, P. (2014). Tamil pallikaḷil kaṇiṇi vaḷi Tamilmoḷi kaṇṇal payanpāṭum nilaiyum (Teaching Tamil through computer in Tamil school). In I. Samikkanu Jabamoney, P. Karthegees, P. Kingston, S. Veeralakshmi, & S. Saravanajothi (Eds.), *Second International Conference On research in Tamil Education 2014* (pp. 127–132).